

Perkembangan Cerpen Melayu: Dari Cerita Moyang ke *Dewan Sastera*

A. WAHAB ALI

ABSTRAK

Rencana ni membincangkan perkembangan cerpen Melayu dari awal kemunculannya hingga ke zaman kegemilangan majalah Dewan Sastera 1985. Turut disentuh dengan kritis ialah konsep cerpen Melayu itu sendiri, perubahan masyarakat Melayu, faktor yang memunculkan cerpen dan sifat cerpen yang muncul, faktor yang mendorong perkembangannya serta tokoh-tokoh cerpenis penting yang telah menyumbangkan karya mereka.

Kata kunci: Cerpen, Asas 50, Hadiah Karya Sastera, Hadiah Sastera

ABSTRACT

This article reviews the development of Malay short stories from its beginning to its glorious period with the establishment of the magazine Dewan Sastera in 1985. Included in the critical review are concept of Malay short story, changes in Malay society, factors leading to the emergence and characteristics of the short stories, factors leading to its development and important figures contributing their works.

Key words: Short stories, Asas 50, Hadiah Karya Sastera, Hadiah Sastera

PENGENALAN

Orang Melayu sudah mempunyai tradisi bercerita sejak lama dahulu. Namun, tarikh sebenarnya tradisi bercerita di kalangan orang Melayu itu tidak diketahui, maka tidak ada orang boleh menjawabnya dengan pasti, kecuali dikatakan bahawa tradisi bercerita itu diagakkan sudah bermula sebaik sahaja orang Melayu sudah berbahasa, berkeluarga dan bermasyarakat. Sehubungan itu, semakin tinggi tamadun dan masyarakat Melayu, semakin kukuh tradisi bercerita orang Melayu.

Sehingga ini terdapat dua tradisi bercerita telah kita warisi: tradisi lisan dan tradisi tulisan. Tradisi tulisan itu adalah perkembangan daripada tradisi lisan. Tradisi tulisan ini muncul bila orang Melayu mahir menggunakan aksara. Sungguh pun demikian, tradisi lisan itu tidak mati setelah lahirnya tradisi tulisan,

tetapi terus hidup, walaupun tradisi lisan untuk sastra semakin didominasi oleh sastra tulisan. Apabila alat cetak mengambil tempat dalam kebudayaan Melayu moden, sastra tulisanlah yang berkembang.

Bercerita atau cerita termasuk dalam bidang seni. Dalam kebudayaan Melayu, ada dua macam bentuk seni cerita: bentuk lisan dan bentuk tulisan. Daripada segi panjangnya, terdapat dua jenis pula: cerita yang pendek dan cerita yang panjang. Antara kedua-duanya dapat lagi dipecahkan kepada yang terpendek dan yang sederhana panjangnya. Yang pendek itu boleh habis pada sekali bercerita. Yang sederhana, biasanya diceritakan bersambung dan yang panjang pun bersambung, mengambil masa yang lebih lama.

Dalam masyarakat tradisional Melayu di Nusantara bercerita ini biasanya mengambil dua jalur suasana persembahannya. Jalur yang pertama adalah persembahan cerita yang tidak formal dan biasanya cerita itu dilakukan di kalangan keluarga serta handai taulan. Jalur yang kedua adalah cerita yang disampaikan secara rasmi dalam upacara membaca cerita khususnya untuk menyambut kenduri, menunggu panen (menuai) atau lepas panen, misalnya. Persembahan itu pula ada yang khusus dengan lisan dan ada yang dengan membaca teks, selain ada yang dituturkan dengan berlagu menggunakan alat bunyian dan tidak kurang pula cerita yang diwayangkan dengan patung yang dibuat daripada kulit; malah ada cerita yang didramakan untuk sesuatu upacara.

Cerita pendek atau cerpen yang kita kenal hari ini bukanlah suatu yang baru. Sebaliknya, bentuk itu adalah lanjutan dan pengluasan daripada tradisi cerita yang sudah mentradisi dalam masyarakat Melayu. Cerita tradisi itu lewat masa dan perubahan yang gesit yang dilalui sejarah dan masyarakat Melayu di Nusantara itu berubah sehingga membentuk tradisi seni bercerita yang baru, yang kita namakan cerpen.

KONSEP CERPEN MELAYU

Menurut Hashim Awang, cerpen dalam kesusasteraan Melayu moden pertama kali muncul dalam tahun 1920 bila majalah *Pengasuh* menyiarkan sebuah cerita yang berjudul *Kecelakaan Pemalas*, ciptaan Nor bin Ibrahim, atau nama samarannya Madrasi (1975:4). Sejak itu, cerpen bermunculan bersama-sama dengan munculnya penerbitan berkala dalam Bahasa Melayu yang pertama kali terbit di Malaysia pada 1876 iaitu *Jawi Peranakan*. Sejak itu hingga tahun 1941 bila meletusnya Perang Dunia II, ada 147 penerbitan berkala, iaitu akhbar dan majalah berbahasa Melayu. Adalah didipercayai 64 buah daripadanya memuatkan cerpen (Hashim Awang 1975:2). Dengan itu, cerpen yang kita kenal itu amat erat hubungannya dengan penerbitan akhbar dan majalah, malah dapat dikatakan cerpen adalah sastra akhbar dan majalah.

Sejak awal pembentukannya, cerpen Melayu terus mencari bentuknya. Yang nyata, pada peringkat awalnya, cerpen berlandaskan tradisi cerita lisan

dan tulisan yang ada dalam sastera Melayu tradisional dan terus bergomol dengan pelbagai perubahan penulisan di sekolah dan penulisan cara cetak serta menyesuaikan bentuknya dengan perubahan secara menyeluruh yang melanda masyarakat Melayu. Oleh sebab itu, kita dapati cerpen Melayu di peringkat awal itu kurang tegas batas panjang pendeknya, selain kurang jelas strukturnya. Dari segi panjangnya, cerpen Melayu di peringkat awal itu ada yang mengandungi kira-kira 160 perkataan, manakala yang terpanjangnya pula mencapai kira-kira 48,000 perkataan (Hashim Awang 1975: 14-15). Dari segi strukturnya, cerpen Melayu di peringkat awal ada yang menyerupai rencana tanpa plot dan ada pula yang mempunyai plot yang sederhana dan tidak kurang pula ada yang mempunyai plot yang kompleks, peristiwa yang banyak dan mengambil latar hidup watak yang panjang sekali dari datuk hingga ke cucu. Sesungguhnya, pada peringkat awal cerpen Melayu itu, pengarangnya cerpen tidak mempunyai konsep yang jelas. Yang pasti adalah ia itu adalah cerita.

Pengkategorian menurut genre baru dilakukan setelah adanya pengajian sastera di Jabatan Pengajian Melayu sekitar tahun lima puluhan. Pengkajian yang serius hanya bermula setelah Ali Haji Ahmad (1961 & 1964) dan Omar Muhammad Hashim (1961) menumpukan perhatian mereka terhadap cerpen. Kajian yang lebih serius kemudiannya dilakukan Tan Chin Kwang (1971), Hashim Awang (1972) dan Othman Puteh (1981) sebagai tesis ijazah sarjana mereka.

Biarpun mereka menemui maklumat mengenai cerpen Melayu, namun mereka masih terikat baik secara nyata atau tersembunyi dengan definisi dan konsep cerpen Barat sebagai titik tolak pengkajian mereka. Lebih jauh dari itu, Hashim Awang melakukan kekeliruan yang lain pula walaupun dia mengkaji struktur cerpen, cerita-cerita yang panjang dan kompleks strukturnya pun dikategorikannya dalam genre cerpen, asal sahaja cerita itu termuat dalam akhbar dan majalah. Pada pihak lain pula, dia menilai cerpen Sebelum Perang itu dari titik tolak struktur menurut pengertian cerpen Barat tanpa bertitik tolak pada hakikat cerpen Melayu atau data yang dia hadapi itu.

Berdasarkan maklumat yang ditemui dapat kita menarik kesimpulan bahawa cerpen Melayu tidak lain daripada lanjutan dan pengluasan dari pengucapan seniman Melayu terhadap kehidupan dinamik yang dialami. Kalau dalam zaman tradisional, pengucapan mereka berkaitan kehidupan tradisional itu, tetapi bila mereka menemui pengaruh Barat, mereka mengucapakan pengalaman baru dalam menghadapi perubahan itu. Justeru, isi cerpen Melayu itu tidak lain daripada perkara yang berkaitan dengan perubahan yang mendatang. Dalam mengungkapkan pengalaman itu, diketengahkan watak-watak untuk melambangkan individu daripada masyarakat yang sedang berubah itu. Watak-watak itu diberi tempat dan masa beraksi serta serba sedikit peristiwa yang membolehkannya mengalami kebaikan dan kecelakaan daripada perbuatannya. Daripada keseluruhan cerita itu diberi pengajaran dan moral sebagai pesanan untuk ahli masyarakat yang membacanya. Struktur begini terungkap dalam

panjang pendek, atau jumlah perkataan yang berbagai dari sekali siaran hingga beberapa kali siaran. Tugas sarjana di sini ialah memastikan panjang pendek dan kompleks tidaknya struktur cerita itu untuk dikategorikan genrenya.

Cerita yang pendek, sederhana pendek, sederhana dan kurang kompleks strukturnya dan tidak pula mencukupi 100 halaman panjangnya dikategorikan sebagai *cerpen*. Boleh pula dinamakan *cerpen* bagi yang munasabah pendeknya dan *cerpen* bagi cerita yang tidak mencapai panjang sebuah novel. Untuk lebih halus lagi pembahagiannya cerpen yang panjang, tetapi kurang daripada 100 halaman dipanggil novelet.

PERKEMBANGAN CERPEN MELAYU

Daripada maklumat yang sedemikian rupalah cerpen Melayu berkembang di tangan senimannya dari masa ke masa, lewat penyiaran akhbar dan majalah. Di sini bukanlah tempatnya untuk disebut nama seniman cerpen, atau ringkasnya cerpenis sepenuhnya di peringkat awal. Tetapi, saya kira perlu untuk menyebut beberapa orang tokoh yang penting. Ada yang menggunakan nama asal, dan ramai pula yang menggunakan nama samaran. Antara yang penting dalam tahun dua puluhan itu adalah Ismail Sulaiman (Putra Bumi Kelantan), Muhammad Yusuf Ahmad (Jentayu), cerpenis tahun tiga puluhan antaranya, Abdul Rahim Kajai, Ishak Haji Muhammad, Harun Muhammad Amin (Gustam Negara, Harun Aminurrashid, Penulis Khas Tanjung Malim), Pungguk (Muhammad Yasin Makmur, Tanah Emas, Malim Deman), Abu Bakar Ali dan, Misbaha (Penulis Khas Terengganu). Penulis yang sama dan aktif lagi pada tahun empat puluhan adalah Abdul Rahim Kajai, Abu Bakar Ali, Muhammad Yasin Makmur, Ishak Haji Muhammad, selain Abdul Khalik M.B. Kuala Lumpur, Abdullah Sidek, Yusuf Arshad dan Muhammad Dahlan.

Umumnya, pengkaji sastera Melayu moden mengelompokkan cerpen kepada setiap satu dekad seperti cepen tahun dua puluhan, tiga puluhan dan empat puluhan itu dalam periode cerpen Sebelum Perang II. Sepertimana yang telah disebut tadi, cerpen pada periode ini menjadi asas pada perkembangan cerpen Melayu kemudian. Isi, tema dan persoalan cerpen periode ini adalah persepsi penulis Melayu terhadap perubahan yang terjadi dalam masyarakatnya akibat penjajahan Inggeris. Mereka menemui sekolah cara baru menggantikan tradisi mengaji seperti di rumah, masjid dan surau, lantas timbul reaksi mereka terhadap kesan baik buruknya sekolah cara baru itu – dari kebaikan ilmu sehingga pergaulan lelaki perempuan. Selain itu, penjajah Inggeris memperkenalkan dan menjalankan sistem ekonomi secara *large-scale* menggantikan sistem ekonomi Melayu secukup hidup. Daripada perubahan sistem ekonomi sedemikian, muncul bandar sebagai pusat perniagaan. Kemunculan sistem ekonomi sedemikian mengakibatkan masuknya buruh-buruh asing. Dengan itu, orang Melayu menemui gejala baru. Bandar yang menjadi pusat ekonomi dihuni orang asing yang membawa cara hidup yang

baru. Di situ terbina hotel, kelab hiburan dan munculnya kenderaan moden sebagai alat pengangkutan. Penulis Melayu mempunyai peranan sebagai penyaring di satu pihak dan di pihak yang lain sebagai agen promosi pembaharuan yang mendatang itu. Persepsi mereka ini jelas tergambar dalam cerpen mereka – daripada segi sikap orang Melayu terhadap pendatang, terhadap ekonomi, terhadap moral akibat daripada gejala kelab hiburan ala baru itu. Daripada kemasukan pengaruh baru dalam bidang pendidikan dan ekonomi timbullah kesedaran kebangsaan. Kesedaran sedemikian itu terluah dalam cerpen Melayu masa itu.

Dari segi penulisan cerpen, konsep dan teknik penulisannya beransur-ansur terbina lewat perubahan yang mereka tempuhi. Bertolak daripada tradisi sastera peribumi Melayu, mereka bergerak melalui ciptaan kreatif dengan ditambah pendedahan secara beransur-ansur terhadap fenomena baru. Dalam pada itu, ada pula mereka telah menguasai bahasa asing, Arab dan/atau Inggeris, lantaran mendapat sumber cerita daripada sastera tersebut. Akibatnya, ada cerita dari Barat telah diterjemah atau disadur ke dalam bahasa Arab, manakala mereka yang pandai bahasa di kalangan orang Melayu ini mengalirkannya pula ke dalam bahasa Melayu menurut caranya sendiri. Demikian pula si pandai bahasa Inggeris cuba pula mengalirkan cerita-cerita daripada bahasa Inggeris itu ke dalam bahasa Melayu menurut kemampuan dan tapisan budaya Melayu. Dari situlah pula lulusan sekolah Melayu mendapat inspirasi baru dalam *melagang* cerita yang menggarap dunia barunya. Dengan itu, kita rasakan adanya penggomolan antara tradisi bercerita Melayu dengan ciptaan baru mereka dalam pembinaan konsep dan teknik penulisan ciptaan mereka.

Oleh pengkaji yang terpaksa bertitik tolak dari konsep cerpen Barat atau paling minima melihat model cerpen Barat lalu meminjam istilah-istilah bagi menyatakan secara umum tentang cerpen Melayu itu sama ada secara bodoh, terpaksa atau hati-hati, maka dinyatakanlah aspek-aspek cerpen periode sebelum perang itu dalam kata-kata seperti berikut:

1. Umumnya cerita-cerita pendek masa sebelum perang itu mengandungi terlalu banyak kejadian (incidents). Kerap dirasakan terlampau lebih daripada sepatutnya. Dengan demikian cerita-cerita pendek itu sampai seolah-olah merupakan siri kejadian-kejadian, tanpa pengolahan atau penjalinan yang mendalam rapi dan sehati ... Tetapi kalau untuk ditinjau sebagai hasil kesusasteraan maka timbul soal kekurangan nilai seni dari segi-segi lain. (Ali Haji Ahmad, ed 1964:10)
2. Watak-watak pelaku dalam hampir semua cerita pendek itu tidak benar-benar hidup sebagai manusia yang hidup di dunia ini. (Ali Haji Ahmad ed 1964:10)
3. Pematahan jalan cerita (plot) kerap dibuat secara tiba-tiba tanpa membuatnya berasa “realistik” dan “natural”. (Ali Haji Ahmad ed 1964:11)

Petikan 1, 2 dan 3 itu cuba meminjam dan menyesuaikan ilmu pengkajian sastera Barat. Melalui istilah-istilah itu jelas digunakan titik totak cerpen realistik Barat, bagi menilai atau mengenal cerpen Melayu sebelum perang itu. Sebelas tahun kemudian, meminjaman istilah dan konsep penganalisaannya terus teguh di atas paksi cerpen Barat apabila Hashim Awang menerbitkan tesisnya. Dalam tesis itu, dia menganalisa cerpen menggunakan tema (*themes*) dan struktur (*structure*), plot (*plot*), penokohan, (*characterization*), latar (*setting*), sudut pandangan (*point of view*) dan gaya bahasa (*style*) dengan merujuk buku-buku kajian cereka Barat (Hashim Awang 1975: 297-300). Dengan menggunakan asas teori cerpen Barat itulah diacukan cerpen Melayu sebelum perang itu. Lalu dia membuat kesimpulan berbunyi:

Bagaimanapun kesulitan ini timbul dari bentuk cerpen itu sendiri, bentuk yang sama sekali baru di dalam masyarakat dan kesusasteraan Melayu. Ia adalah pinjaman yang tidak langsung dari kesusasteraan Barat yang pada ketika itu masih amat asing. Kerana itu, struktur cerpen Melayu pada zaman awal ini berbentuk agak kacau dan bercampur aduk dengan unsur-unsur lama. Terlihat seolah-olah wujud sebarang teknik yang diambil terus dari pola cerita yang biasa terdapat di dalam hasil-hasil sastera lama, di samping mengemukakan pembaharuan. Melalui cara inilah maka bentuk cerpen Melayu baru di Malaysia seperti yang kita ketahui sekarang ini tercipta. (Hashim Awang 1988: XIV)

Yang kacau bukan bentuk cerpen sebelum Perang Dunia II. Bentuk itu terjadi mempunyai asas yang kukuh, iaitu tradisi bercerita dalam sastera Melayu. Tradisi itu berubah menurut ciptaan pengarang sesuai dengan perubahan masyarakat. Lalu pengarang mengimbangi bentuk dengan isi dan masyarakat semasa dengan kadar taraf kenal hurufnya mulai meluas, serta disesuaikan bentuk dengan ramuan cerita dari luar – secara tidak langsung dari Barat. Di sini yang kacau adalah sarjana yang terkongkong dengan dasar titik tolaknya dari konsep cerpen Barat itu. Kekacauan tanggapan sarjana ini mempunyai asas. Seperti juga penulis cerpen sebelum Perang Dunia II, sarjana sastera Melayu moden lebih menderita lagi dalam penerokaannya. Cerpenis sebelum Perang Dunia II ada asas cerita yang diwarisinya, iaitu cerita-cerita tradisi. Tetapi mereka tidak patuh sepenuhnya dengan acuan lama itu. Mereka mencipta acuan sendiri dengan mencampurkan acuan lama itu dengan kehendak semasa. Bagi pengkaji sastera Melayu moden pula, terpaksa menggunakan acuan Barat, tetapi merasa pusing dengan data yang sukar untuk diacukan atau diterapkan dengan acuan itu. Pusing dan pening sarjana ini berlanjutan hingga kini; seperti terlihat dalam isu kritikan kini: teori barat dan teori mandiri.

Semasa pendudukan Jepun, cerpen yang sudah mempunyai asas itu, iaitu cerita yang berbagai ukuran panjangnya, yang mengisahkan kehidupan semasa, untuk tujuan moral, sebagai penapis kepada gejala perubahan akibat kemasukan pengaruh Barat itu mengalami perubahan. Pada masa ini, cerpen dan bentuk sastera lain dijadikan alat propaganda penjajahan Jepun. Di samping itu, ada pula pengarang yang merasa tertindas itu menggunakan cerpen sebagai pisau cukur bermata dua. Sekali imbas cerpen itu mempropagandakan wawasan

penjajah Jepun, iaitu Kemakmuran Bersama, Asia Untuk Bangsa Asia, Hakko Ichiu (Seluruh Dunia Satu Rumah Tangga) dan sebagainya; diimbangi yang lain, cerpen itu tetap menyuarakan kritikan dan meniupkan semangat kebangsaan dan menyuntikkan nilai-nilai moral. Dengan itu, konsep cerpen tetap cerita dan moral sebagai asasnya, tetapi ditambah pula dengan propaganda. Lebih jauh daripada itu, cerpen itu sudah maju setapak lagi dengan penggunaan lambang yang disampaikan secara tersembunyi. Begitu pula daripada segi panjangnya, cerpen masa itu sudah dihadkan sesuai dengan lembar penerbitan yang terhad kerana kekurangan kertas. Penulis-penulis yang terkenal masa ini antaranya adalah A. Samad Ismail dan Ishak Haji Muhammad.

CERPEN ASAS 50

Apabila Perang Dunia II usai, pendudukan Jepun di Malaya kembali berubah alih ke tangan penjajahan Inggeris. Timbul pula gejala baru dalam masyarakat, iaitu kesedaran kebangsaan. Orang Melayu tahu bahawa penjajah Inggeris tidak segagah mana kerana daripada pengalaman mereka, Inggeris mudah sahaja dikalahkan Jepun. Penjajahan Jepun ke atas orang Melayu yang menyeksakan itu adalah satu rahmat. Orang Melayu mula berjuang menuntut kemerdekaan. Sekali lagi dalam suasana ini cerpen terbawa sama mengalami perubahan fungsi dan bentuk oleh sekumpulan penulis yang dikenal dengan nama Asas 50. Mereka memperjuangkan seni untuk masyarakat. Antara penulis cerpen yang penting daripada angkatan ini adalah Keris Mas, Usman Awang, Awam il Sarkam dan A. Samad Ismail. Mereka begitu produktif sekitar tahun 1950an dan awal 60an.

Memanglah sekali imbas kita merasakan cerpen Asas 50 ini lanjutan daripada cerpen sebelum perang dan cerpen masa Jepun. Ini berdasarkan fungsi cerpen untuk menyedarkan masyarakat dan menjadi alat propaganda bagi cita-cita seni Asas 50 itu. Namun, daripada segi yang lain, terserap unsur baru bahawa sastera menjadi protes terhadap ketidakadilan golongan berkuasa. Daripada segi bentuk, ternyata sebahagian daripada cerpen Asas 50, terutamanya daripada A. Samad Ismail dan Keris Mas, mula menghampiri ciri pengolahan cerpen Barat. Hal ini bersesuaian pula dengan keterbukaan tokoh-tokoh itu dengan bahasa Inggeris yang membolehkan mereka membaca langsung cerpen Barat. Salah seorang daripada tokoh Asas ini, iaitu Asraf, begitu aktif menterjemahkan cerpen-cerpen terkenal dari Barat.

Dengan tiga tahap masa yang dilalui, seperti yang disebut di atas itu, cerpen sebagai genre seni cereka menemui konsep yang jelas. Ia perlahan-lahan berubah; walaupun fungsi moral dan kemasyarakatannya tetap ada, walaupun asasnya cerita mengenai manusia semasa masih kekal, namun penekanan seninya mulai berubah.

CERPEN TAHUN ENAM PULUHAN

Di tangan penulis yang terkenal pada akhir tahun lima puluhan dan penulis yang muncul dan berkembang dalam tahun 60an, cerpen mengalami penghalusan daripada sudut seninya. Dengan kata lain, memang daripada segi isi, cerpen dan bentuk sastra lainnya akur dengan fungsi perjuangan kemerdekaan dan pengisian kemerdekaan, namun pengolahan cerpen pada masa ini lebih halus dan kesannya lebih meresap. Pada akhir tahun lima puluhan kita mengenal A. Samad Said dengan cerpennya *Longkang* yang meloyakan dan penuh sinis. Pada tahun 1960an, kita menemui nama-nama A. Rashid Ngah dengan *Pelita Sebuah* menjadi inti perjuangan membasmi kemiskinan lewat pelajaran; melalui Alias Ali, kita tersentak dengan sindirannya terhadap golongan kelas baru bila membaca cerpennya berjudul *Gelombang Jatuh*. Lewat *Pensel Sebatang* karya Ali Majod, kita diayun oleh kehalusan pengolahan lewat psikologi pendidikan yang mendalam kesannya.

Begitu pula dengan *Di Tengah Keluarga* oleh Shahnnon Ahmad, kita merasa begitu gelisah dengan konflik nilai baru yang melanda sebuah keluarga Melayu yang merdeka yang sedang mengalami krisis ayah-anak. Nama dan karya yang disebut itu sekadar sebagai contoh. Sebenarnya ramai penulis dan banyak lagi karya yang berwibawa muncul ketika itu.

Demikianlah, cerpen sebagai bentuk seni terus meneroka pembaharuan berasaskan bentuk cerpen yang sudah mentradisi itu. Dalam tahun 1970an dan 1980an, dunia cerpen terus berkembang. Penulis lama yang sudah menempa nama adalah seperti Keris Mas, Arena Wati, Shahnnon Ahmad, Mohd. Affandi Hassan, Ali Majod, S. Othman Kelantan dan ramai lagi terus berkarya.

BAKAT-BAKAT BARU SELEPAS TAHUN ENAM PULUHAN

Muka-muka baru telah muncul di tengah-tengah gelanggang sastra Melayu. Pada mulanya, karya mereka kelihatan seperti bermain-main, namun rupanya mereka membawakan perubahan baru. Antara penulis yang menonjol adalah Anwar Ridhwan, Othman Puteh, Fatimah Busu, Siti Zainon Ismail, Rogayah A. Hamid, Mana Sikana dan Abdullah Tahir. Mereka ini lulusan universiti yang mempelajari cerpen secara mendalam. Mereka mempunyai bakat dan ilmu. Mereka itu diikuti pula oleh penulis-penulis yang terkemudian seperti Razak Mamat, Wan Yusuf Hassan, Awangku Merali Pengiran Muhammad, Samosa dan Eh Deng Eh Cik.

Akhir-akhirnya, semua penulis itu, baru dan lama turut sama, bukan sahaja meramaikan, malah turut aktif meneroka pelbagai corak dan warna cerpen. Semuanya itu bersatu mencipta cerpen Melayu yang teguh dan mengasyikkan.

Seperti yang telah disebut di atas, faktor utama yang mendorong kemunculan dan perkembangan cerpen di Malaysia ini adalah kemasukan

pengaruh Barat dan perkembangan pengaruh itu yang mengakibatkan berlakunya pergolakan ke arah perubahan budaya Melayu. Dua alat, antara alat-alat lain yang menjadi ejen kepada perubahan sosial dan budaya Melayu itu, dalam konteks ini, sastera, khususnya cerpen adalah pendidikan sekular dan percetakan.

Pendidikan meningkatkan kesedaran baru terhadap perubahan, melahirkan individu dan elit baru yang terus menjadi ejen pencetus dan pengguna kepada perubahan yang terus mendesak datang itu. Dalam konteks sastera, khususnya cerpen, daripada pendidikan lahirah pengarang dan daripada pendidikan lahirah golongan peminat sastera gaya baru. Memang di peringkat permulaan munculnya sekolah sekular, kita kurang jelas mengenai peranannya dalam pembentukan sastera moden, sebab sekolah sekular untuk peribumi, hanya sekolah Melayu, tingkat pendidikannya hanya sekadar sekolah rendah, untuk tulis baca, namun perkembangan selanjutnya, yang sudah memakan masa hampir satu abad berlalu, maka kesan pendidikan itu semakin jelas terhadap perkembangan kesusasteraan Melayu, termasuk genre cerpen. Melalui perkembangan pendidikan cara baru ala Barat itu, kita dapati golongan pembaca semakin meluas. Tingkat pendidikan semakin tinggi. Semenjak lepas merdeka, sekolah Melayu berupaya berkembang kepada sekolah menengah dan ada pelajarnya yang melanjutkan pelajar ke universiti. Seterusnya dalam tahun 1980 an, semua sekolah menggunakan bahasa Melayu. Akhirnya, bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar universiti. Jauh sebelum itu, bahasa Melayu telah pula diterima menjadi bahasa kebangsaan.

Dalam pada itu, menjelang merdeka, di Universiti Malaya Singapura telah ditubuhkan Jabatan Pengajian Melayu. Jabatan seumpama ini ditubuhkan juga di Universiti Malaya di Kuala Lumpur bila universiti itu berpecah dua – satu di Singapura dan satu lagi di Kuala Lumpur. Di jabatan ini sastera Melayu diajarkan. Dengan itu, sastera Melayu terangkat tarafnya daripada segi moral. Lebih jauh lagi, sastera Melayu itu mendapat nafas baru dengan munculnya gejala baru, iaitu kajian sastera dan kritikan. Dua macam ilmu ini banyak mendorong kemajuan kepada ciptaan sastera Melayu. Dari universiti timbul tokoh-tokoh pengkritik dan dari universiti juga muncul penulis-penulis muda yang lebih terdidik. Sejak itu, kita menemui penulis-penulis cerpen yang mempunyai latar pendidikan universiti. Antaranya adalah Anis Sabirin, Kasim Ahmad, Norzah dan Mohd Affandi Hassan. Dalam proses sejarah pendidikan yang sedemikian rupa, ramai pula penullis yang sebelum ini hanya berpendidikan rendah, menengah dan maktab perguruan, turut meningkatkan pendidikannya ke universiti. Mereka turut sama memberikan saham kepada penulisan sastera, khususnya cerpen. Antara nama-nama yang terkenal adalah Shahnnon Ahmad, Ajikik, A. Wahab Ali, Abdullah Tahir, Muhd Mansor Abdullah, Othman Puteh, Ali Majod, Rejab F.I., Fatimah Busu dan S, Othman Kelantan. Tidak kurang pula, ramai tokoh cerpen terbaru adalah lulusan universiti; misalnya Anwar Ridhwan, Rogayah Hamid, Hamzah Hamdani, Johan Jaafar, Siti Zainon Ismail, Mana Sikana, M. Ghozali Pk, Razak Mamat dan Awangku Merali.

Mereka inilah yang turut sama ada mencipta cerpen, mengkritik dan memperkatakan cerpen. Ada juga antara mereka turut sama menjadi editor kepada penerbitan cerpen dan karya sastera lainnya, seperti Rogayah Hamid dan Johan Jaafar.

Malah ada antara mereka yang tidak mengkhusus dalam sastera, tetapi lulusan universiti, turut sama bergiat dalam cerpen. Contohnya Salmiah Ismail. Beliau pernah menjadi editor *Dewan Sastera* selama 1978-1987, turut sama menangani majalah tersebut bagi penyiaran cerpen.

Sasterawan yang terdidik ini pula turut sama mengembeling bukan sahaja penerbitan, malah persatuan-persatuan penulis. Mereka turut mendesak supaya kerajaan turut sama campur menangani sastera. Daripada itu, timbullah berbagai peraduan dan sayembara serta anugerah sastera. Semua ini turut sama memacu dan mencorakkan penulisan cerpen kita selepas merdeka.

PERANAN AKHBAR DAN MAJALAH

Dalam pada itu satu faktor yang tidak boleh kita lupakan adalah peranan penerbitan, terutamanya akhbar dan majalah. Faktor ini jelas sejak mula bentuk cerpen muncul hinggalah dewasa ini. Akhbar dan majalahlah yang menjadi wadah utamanya. Sebelum perang, kita mengenal akhbar dan majalah seperti *Pengasuh*, *Panduan Guru*, *Majalah Guru*, *Warta Jenaka* dan *Warta Malaya*. Penerbitan berkala tersebut adalah antara kira-kira 64 buah penerbitan yang sering memuatkan cerpen dan tulisan-tulisan mengenai cerpen.

Dalam zaman Perang Dunia II, iaitu zaman pendudukan Jepun pun masih terdapat akhbar dan majalah yang turut sama menerbitkan cerpen. Akhbar dan majalah tersebut adalah *Matahari Memancar*, *Cermin Hidup*, *Sinaran Matahari*, *Semangat Asia* dan *Fajar Asia*. Dua buah majalah yang terakhir itu adalah yang terpenting sepanjang zaman itu.

Selepas perang pula, terutamanya dalam tahun lima puluhan, kita mengenal nama-nama majalah seperti *Mastika*, *Mutiara*, *Hiburan* dan selanjutnya dalam tahun-tahun enam puluhan hingga sekarang di samping *Mastika*, muncul banyak lagi majalah dan akhbar, tetapi yang terpenting dalam penyiaran cerpen adalah majalah-majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, seperti *Dewan Bahasa*, *Dewan Masyarakat* dan *Dewan Budaya*. Memang banyak lagi penerbitan yang menyiarkan cerpen selepas perang, misalnya akhbar *Utusan Zaman*, *Utusan Pemuda*, *Mingguan Malaysia*, *Berita Minggu* di samping berbagai lagi akhbar kecil yang penerbitannya tidak bertahan lama. Tidak ketinggalan juga adalah majalah *Wanita*.

MAJALAH DEWAN SASTERA

Akhir-akhir ini, nampaknya *Dewan Sastera* menjadi majalah cerpen yang terpenting. Ia pertama kali terbit dalam bulan Januari 1971. Seingat saya, sekitar

akhir tahun enam puluhan dan mulai tahun 1970, jumlah penulis semakin meningkat; namun wadah penampungan karya mereka terhad. Masa itu terdengar tenar suara penulis-penulis muda, baik dalam seminar-seminar, tidak kurang pula dalam akhbar-akhbar, mahukan penyiaran yang adil terhadap karya mereka. Dalam masa yang sama timbul istilah penulis bilis dan penulis jerung. Penulis bilis dirujuk kepada penulis baru yang sukar mendapat tempat penyiaran karyanya; manakala penulis jerung pula merujuk kepada penulis yang sudah mantap mudah mendapat tempat bagi karya mereka. Atas kegelisahan yang seumpama inilah maka Dewan Bahasa dan Pustaka yang peka dengan perkembangan sastera mengambil perhatian serius bagi penampungan itu. Hal ini jelas terlihat dalam Kata Pengantar daripada Pemangku Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka terbitan sulung *Dewan Sastera* yang berbunyi seperti berikut:

Dengan terbitnya *Dewan Sastera* ini maka Dewan Bahasa dan Pustaka melangkah setapak lagi ke hadapan dalam usahanya untuk menggalakkan pertumbuhan penulisan kreatif atau perkembangan sastera di negeri ini. Di masa-masa lepas selalu kita dengar sungutan tentang kurangnya kesempatan penampungan karya-karya kreatif terutamanya yang dihasilkan oleh jenerasi penulis-penulis muda. (*Dewan Sastera* 1971).

Hal kegelisahan penulis muda dan penampungan karya-karya mereka turut juga disentuh oleh Ketua Pengarangnya. Katanya:

Untuk beberapa tahun yang akhir ini kegiatan sastera tidak berupa kegiatan penulisan saja tetapi juga kegiatan pengasahan bakat berupa diskusi, seminar, bengkel dan banyak sekali dialog dan polemik. Sekurang-kurangnya kegiatan-kegiatan ini menghidupkan minat para penulis dan tentu juga diharapkan dapat melahirkan karya-karya yang bererti dan boleh pula menimbulkan minat para pembaca.

Kegiatan yang agak merosot sekarang, kalau tidak merosot dari masa yang lalu tetapi tidak menampakkan berbanding dengan kegiatan penulisan, ialah kegiatan penerbitan. Oleh kerana kurangnya daya penerbitan maka masalah penampungan terhadap karya-karya penulis telah menjadi masalah yang rumit. Berbagai reaksi timbul dari masalah ini. Setengah-tengahnya mengeruhkan suasana dan menimbulkan anggapan-anggapan yang kurang sihat. Hal seperti ini memang wajar berlaku namun penyelesaiannya bergantung kepada giat atau tidaknya dunia penerbitan itu. (*Dewan Sastera* Januari 1971: 3)

Sesuai dengan tuntutan sebahagian penulis dan perihal masa itu, maka majalah ini mengambil dasar yang agak liberal dalam menyiarkan karya-karya sastera. Pihak pengarang sedia memaparkan apa juga jenis aliran sastera: "... baik yang mengusap perasaan mahupun yang menggugat pemikiran, justeru memupuk kehidupan yang bererti-lahir dan batin, memupuk inisiatif dan aktiviti hidup yang dinamik." (*Dewan Sastera* Januari 1971: 3). Di samping keliberalannya sesuai dengan kedinamikaan sastera, terutamanya yang dibawa penulis-penulis muda, namun majalah ini berhasrat mempertahankan kualiti karya-karya yang bakal disiarkannya. Pendeknya dalam liberal ada haluannya. Kualiti sastera itu pula berdasarkan nilai: ... "mencapai satu kedamaian yang

murni yang menyelaraskan emosi bangsa Malaysia. Kami ingin membawakan kedamaian dan keharmonian yang tulin kepada bangsa yang sedang mencari identiti bangsanya melalui kesusasteraan.” (*Dewan Sastera* Januari 1971: 3).

Dengan wawasan yang sedemikian itulah *Dewan Sastera* beroperasi. Majalah ini menyiarkan perbincangan sastera, kritikan, kajian, sajak, fragmen novel, kegiatan sastera dan sudah semestinya cerpen turut disiarkan. Dalam jangka 15 tahun kemudian, majalah ini telah menyiarkan sebanyak 508 cerpen (tidak termasuk cerpen terjemahan) hasil daripada 204 orang penulis.

Sesungguhnya sejak majalah ini beroperasi, landasan yang telah diasaskan untuk menyediakan tempat penyiaran, menjaga kualiti di samping kuantiti serta memberikan peluang yang luas kepada siapa sahaja yang berbakat demi mempertingkatkan kesusasteraan Melayu berlandaskan etika bangsa tetap diteruskan. Rencana dari Ketua Pengarang baru, iaitu Usman Awang, yang mengambil alih tugas daripada Keris Mas, setelah sepuluh tahun *Dewan Sastera* dilancarkan menegaskan:

Sepuluh tahun yang lalu kita telah berusaha ke arah penyempurnaan kemudahan penerbitan dan peningkatan teknik seni. Selanjutnya sepuluh tahun yang akan datang kita haruslah melihat kepada pembinaan idea, sikap dan pendirian sasterawan. Kita akan terus menjadikan *Dewan Sastera* sebagai tempat bertembung, berdialog dan berdirinya pemikiran yang kritikal tetapi rasional, dan tempat terbitnya ciptaan yang kreatif dari bakat-bakat baru dan juga yang ternama. (*Dewan Sastera* Jan/Feb 1981:3).

Tegas Ketua Pengarangnya lagi:

Apa yang kita ingin capai di atas ialah kreativiti yang paling tinggi yang kita namakan “seni hati nurani” yang tak dapat tidak berlandaskan etika bangsa dan agama kita. Tetapi sambil kita mengakui ukuran itu, kita juga haruslah dengan bijaksana tidak bersikap angkuh menekannya sepanjang saat dan di depan siapa sahaja sehingga menghancurkan potensi-potensi besar yang ada dalam dunia kesusasteraan Melayu di sekitar kita. Dengan pengertian yang seperti itu *Dewan Sastera* akan membukakan dirinya dengan lebih luas lagi kepada bakat-bakat muda kita, dan kepada siapa sahaja yang menulis dalam bahasa Melayu. (*Dewan Sastera* Jan/Feb 1981:3).

Dalam konteks penyiaran cerpen, jelas dasar yang diamalkan majalah ini membolehkan kita menemui kelangsungan dunia kreatif penulis-penulis ternama, seperti Abdullah Hussein, Arena Wati, Shahnon Ahmad, Ali Majod, Mohd. Affandi Hassan, S. Othman Kelantan, Nor Zah, Ibrahim Omar, Shukur Harun, Anis Sabirin dan ramai lagi. Mereka ini beriringan pula dengan penulis-penulis yang sedang meningkat ketika itu, seperti Abdullah Tahir, Anwar Ridhwan, Azizi Haji Abdullah, Mohd. Mansur Abdullah, Othman Puteh dan Fatimah Busu. Itu sekadar menyebut beberapa nama. Di celah-celah nama mereka ini muncul bakat-bakat baru yang cukup berpotensi, antaranya Johan Jaafar, Rogayah Hamid, Razak Mamat, Siti Zainon Ismail, Malim Ghozali Pk, Samoza dan Awangku Merali. Tidak kurang pula berikutnya muncul penulis-penulis cerpen yang terdiri daripada suku kaum yang bukan Melayu seperti Eh Deng Eh Cik dan Peter Augustine Goh.

Mereka yang terkenal, yang meningkat dan yang sama sekali baru, seiring dan sejalan, setangkai dan sebau membina seni cerpen Melayu dalam sebuah masyarakat yang sedang mengisi kemerdekaan dan yang sedang mencari identiti itu. Cerpen-cerpen mereka yang kebanyakannya tersiar dalam *Dewan Sastera* ini sama-sama terpilih memenangi *Hadiah Karya Sastera* yang kemudian terkenal dengan *Hadiah Sastera*. Contohnya dapat diperhatikan seperti daftar berikut:

Hadiah	Sastera Pengarang	Tajuk Cerpen	<i>Dewan Sastera</i>
1972	Ali Majod	Semacam Kepuasan	Feb. 1972
1972	Ali Majod	Ngayau	Okt. 1972
1972	Zahara J Ariff	Tamu	Feb. 1972
1974	Fatimah Busu	Bunga-bunga Pulau	Nov. 1974
1974	Mohd. Affandi Hassan	Nikmat Kemakmuran	Dis. 1974
1975	Azizi Hj. Abdullah	Wau Kepala Burung	Ogos 1975
1975	Zanariah Wan	Debu-debu	Sept. 1975
	Ab. Rahman	Berterbangan	
1976	Zahari Affandi	Kunang-Kunang	Ogos 1976
1976	Hamdan Yahya	Sebuah Kota Bernama Tanya	Mac 1976
1976	Fatimah Busu	Heroin Tanpa Hero	Mac 1976
1976	Mahadzir Syed Omar	Si Labah Tua	Ogos 1976
1976	Anwar Ridhwan	Sesudah Perang	Dis. 1976
1976	B.K. Samiyung	Capa Rengat	Okt. 1976
1984/85	Fatimah Busu	Al-Amin	Ogos 1974
1984/85	Samoza	Satu Malam Di Pergunungan	Julai 1985

Berdasarkan daftar di atas kita dapati sejak *Hadiah Karya Sastera* diadakan mulai 1972 hinggalah hadiah itu bertukar nama kepada *Hadiah Sastera* (1984/85) kita dapati cerpen-cerpen yang tersiar dalam *Dewan Sastera* tetap ada yang memenangi hadiah tersebut. Secara pecahan dan peratus cerpen *Dewan Sastera* mendapat hadiah adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah cerpen Dapat hadiah Sastera	Jumlah cerpen <i>Dewan Sastera</i> yang memenangi Hadiah	Peratus
1972	12	3	25%
1974	10	2	20%
1975	12	2	16.6%
1976	15	6	40%
1984/85	7	2	28.5%
Purata 5 tahun	66	15	22.7%

Angka-angka di atas jelas menunjukkan *Dewan Sastera* telah menyiarkan cerpen-cerpen yang boleh dikatakan bermutu. Hitung panjang cerpen yang tersiar dalam majalah itu telah memenangi 22.7% daripada seluruh hadiah. Walaupun begitu berdasarkan angka-angka di atas itu juga jelas menunjukkan corak mutu penyiaran cerpen dalam majalah itu turun naik. Misalnya, pada tahun 1972 kadar menerima hadiah ialah 25%, tahun 1974 merosot kepada 20% dan tahun 1975 lagi turun ke paras 16.6% tetapi pada tahun 1976 naik pula kepada 40% tetapi pada tahun 1984/85 menurun balik pada kadar 28.5%.

Turun naiknya pencapaian hadiah bagi cerpen-cerpen *Dewan Sastera* itu persis membayangkan dasar pemilihan karya untuk *Dewan Sastera* itu sendiri seperti yang telah disebutkan sebelum ini.

PENUTUP

Daripada perbincangan di atas jelas bahawa cerpen adalah genre cereka dalam kesusasteraan Melayu moden. Ia adalah pengluasan daripada tradisi bercerita dalam sastera tradisi. Bila bertembung dengan pengaruh Barat dan munculnya percetakan, cerpen menemui bentuk baru sebagai satu genre cereka Melayu moden. Ia menjadi sastera surat khabar dan majalah. Kecanggihan pengolahan cerpen Melayu sebagai satu bentuk seni mencapai kematangannya. Kematangan ini semakin jelas terlihat dalam cerpen-cerpen yang tersiar dalam *Dewan Sastera*. Banyak cerpen yang tersiar dalam majalah ini memenangi *Hadiah Sastera*.

RUJUKAN

- Ahmad Kamal Abdullah et.al 1990. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Haji Ahmad (ed.) 1964. *Rintisan: Antologi Cerita Pendek Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arena Wati 1968. *Cerpen Zaman Jepun: Satu Kajian*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hashim Awang 1975. *Cerpen-Cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1988. *Cerpen Malaysia Sebelum Perang Dunia Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jassin, H.B. 1962. *Kesusasteraan Indonesia Moden Dalam Kritik dan Esei I*. Djakarta: Gunung Agung.
- Li Chuan Siu 1966. *Ikhtisar sejarah Kesusasteraan Melayu baru 1830-1945*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- _____. 1967. *Ikhtisar Sejarah Pergerakan dan Kesusasteraan Melayu Moden 1945-1965*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Omar Mohd Hashim (ed.) 1968. *Pertentangan: Antologi Cerpen Melayu Selepas Perang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh 1983. *Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1988. *Cerpen Malaysia Selepas Perang Dunia Ke-2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Othman Puteh & Ramli Isin 2003. *Sejarah kesusasteraan Melayu Moden Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Aishah Murad (ed.) 1991. *Jalanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

A. Wahab Ali, Ph.D
65, Jalan SS 1/23
Kampung Tunku
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Emel: awabali1941@yahoo.com